



IKHWAN MUNIR | BERITA HARIAN

**PEMBINAAN Landasan Terowong Berkembar Bukit Berapit dekat Padang Rengas.**

**P**ADANG RENGAS: Kerja pembinaan fizikal Projek Landasan Berkembar Kereta Api Elektrik (PLBE) Ipoh-Padang Besar yang diterajui kontraktor utama MMC-GAMUDA JV Sdn Bhd kini pada tahap 57 peratus.

Pengarah projek berkenaan, Yeoh Hin Kok, berkata kerja pembinaan projek itu berjalan lancar dan menepati masa ditetapkan seperti dirancang sejak dimulakan awal 2008.

“Kerja kejuruteraan memabatkan penyediaan infrastruktur seperti meratakan tanah, penyediaan struktur dan asas binaan, jambatan dan tambak hampir siap.

“Turut dilakukan pembinaan balast (asas laluan), landasan, stesen dan kerja memabatkan sistem serta pemasangan kemudahan elektrik,” katanya kepada media pada sesi taklimat memabatkan kemajuan projek itu di tapak pembinaan Terowong Berkembar Berapit di sini, kelmarin.

Selain Terowong Berkembar Berapit, media turut dibawa

## Landasan berkembar 57 peratus siap

melawat dua lagi lokasi utama projek berkenaan iaitu Terowong Larut dan Jejambatan Marin Bukit Merah, kesemuanya masih dalam pembinaan.

Hin Kok berkata, projek PLBE Ipoh-Padang Besar memabatkan kos RM12.49 bilion dan memabatkan laluan 329 kilometer (km) merentasi empat negeri iaitu Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, dengan penyediaan 140 tapak kerja dibuka serentak di semua tempat.

“Kemajuan pantas dapat dilihat menerusi beberapa mercu PLBE seperti jejambatan atas tanah yang berukuran 27 km di Perak, jejambatan marin berukuran 3.5 km di Bukit Merah di Taiping, Jejambatan Berbuai Baru Prai di Pulau Pinang (282 meter), Terowong Berkembar Berapit (3.3 km) dan Terowong

Larut (342 meter),” katanya.

Beliau berkata, antara kerja utama yang sedang dalam pembinaan dan hampir siap ialah pembinaan jejambatan atas tanah di Perak (96 peratus hampir siap), Jejambatan Marin Bukit Merah (95 peratus) dan Terowong Larut (85 peratus sudah siap dan sedang menunggu bagi memulakan kerja mekanikal serta elektrik).

“Kebanyakan kerja sistem sudah dimulakan di setiap negeri dengan pemasangan kemudahan, mempelbagaikan kaedah rawatan tanah di setiap lokasi yang dibuka, kerja utiliti seperti memindahkan saluran gas, paip air dan kabel elektrik serta pemasangan gentian fiber bagi tujuan telekomunikasi dan kerja perparitan,” katanya.